



AGENSİ PENGURUSAN BENCANA NEGARA
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok D5, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8870 4800
Faks : 03-8870 4848

Ruj. Kami : JPM.APBN.600-2/6/4 Jld.2 ()
Tarikh : 31 Mei 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan,

PROSES KEMASUKAN DAN KUARANTIN PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS) YANG TIBA DARI LUAR NEGARA BERMULA 1 JUN 2020

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

- Untuk makluman YB Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan, Kerajaan telah menetapkan suatu dasar baru yang mewajibkan semua individu yang memasuki Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) perlu menanggung kos kuarantin, yang mana warganegara Malaysia perlu menanggung 50 peratus manakala bukan warganegara perlu menanggung penuh kos kuarantin tersebut. Pengecualian kos kuarantin hanya diberikan kepada pemegang kad Orang Kelainan Upaya (OKU), Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Pihak Kerajaan telah menetapkan, setiap individu yang akan ke Malaysia dikehendaki mengisi dan menandatangani borang Aku Janji dan Indemniti (LoU) untuk membayar kos kuarantin kepada premis hotel. Walau bagaimanapun, bagi **PUS WARGANEGARA** yang enggan untuk mengisi borang atau tidak mampu untuk membayar kos kuarantin tersebut, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dimohon agar dapat menempatkan kes-kes terpencil ini di Institut Latihan Awam (ILA) negara. JPBN juga boleh memilih untuk menempatkan PUS di hotel berkadar rendah yang bersesuaian, tetapi syarat seperti di perenggan 2 adalah terpakai. YB Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan juga dimohon agar tidak menghebahkan kepada umum kaedah alternatif ini berikutan fasiliti dan penempatan yang terhad di ILA dan hotel kos rendah.

4. Untuk makluman pihak YB Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan jua, bagi pelajar tajaan yang telah menamatkan pengajian, surat jaminan bayaran oleh penaja (jika ada) perlu dikemukakan sewaktu daftar masuk di stesen kuarantin dan pihak hotel perlu membilkan invois secara terus kepada penaja yang terlibat.

5. Sehubungan dengan itu, bagi melaksanakan keputusan Kerajaan tersebut, semua negeri yang mempunyai PMA dipohon agar dapat bersiap-siaga dalam menguruskan prosedur kemasukan dan kuarantin PUS yang terkini bermula 1 Jun 2020. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan dan Soalan Lazim sebagai panduan pelaksanaan dan pengurusan stesen kuarantin. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YB Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan boleh merujuk kepada saya di talian **019-7908786** atau **Cik Nur Ain Muhammad Yusuf** di talian **014-3338540** atau di alamat e-mel: **ainyusuf@nadma.gov.my**.

6. Kerjasama dan perhatian YB Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,



(DCP DATO' HUSSEIN BIN OMAR KHAN)

Pengarah

Bahagian Pelaksanaan Operasi

b.p Ketua Pengarah

Agensi Pengurusan Bencana Negara

S.k.

KPj (PA) Datuk Roslan bin Wahab

Ketua Pesuruhjaya

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia

SENARAI EDARAN

YB Tan Sri TPr Annuar Hj. Musa

Menteri Wilayah Persekutuan
Pejabat Menteri Wilayah Persekutuan
Aras 4, Blok 2, Menara Seri Wilayah
Presint 2
62100 Putrajaya

YB Datuk Amar Douglas Unggah Embas

Timbalan Ketua Menteri
Pejabat Timbalan Ketua Menteri Sarawak
Jabatan Ketua Menteri
Tingkat 20, Wisma Bapa Malaysia
Petra Jaya
93502 Kuching
Sarawak.

YB Datuk Haji Safar bin Untong

Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Jabatan Ketua Menteri
Aras 28, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 Kota Kinabalu
Sabah.

YB Dato' Haji Azmi bin Rohani

Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
Aras 3, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad
Kota Iskandar
79100 Nusajaya Johor.

YB Dato' Haji Nazran bin Muhammad

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Aras 4, Mabna MBI (Blok 8)
Kompleks Kota Darulnaim
15503 Kota Bharu
Kelantan.

YB Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak
Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang Tingkat 2
Blok A Wisma Sri Pahang
25503 Kuantan
Pahang.

YB Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Aras 4, Blok B, Wisma Darul Aman
05503 Alor Star
Kedah.

YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 19, Bangunan Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah (SSAAS)
40503 Shah Alam
Selangor.

YB Dato' Zahari bin Md Azahar
Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Terengganu
Tingkat 15, Wisma Darul Iman
20503 Kuala Terengganu
Terengganu

YB Datuk Seri Hasim bin Haji Hasan
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
Aras 3, Blok Bendahara, Seri Negeri
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka.

YB Tuan Azman bin Mohd Yusof
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Aras 2, Kompleks Dewan Undangan Negeri
Persiaran Wawasan
01000 Kangar
Perlis.

YB Dato' Abdul Razak bin Jaafar
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Pulau Pinang
Tingkat 25, Kompleks Tun Abdul Razak
(KOMTAR)
10503 Pulau Pinang.

YB Dato' Dr. Razali bin Ab Malik
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri
Jalan Dato' Abdul Malek
70503 Seremban
Negeri Sembilan.

YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh
Perak.